



SEGERA DENGAN FAKS

Ruj.Kami : Prk.ML 41/55(64)
Tarikh : 22 September 2014

Semua Pengarah Perikanan Negeri

Tuan,

ARAHAN PEMBERHENTIAN KUTIPAN BAYARAN ALAT AIS KEPADA SYARIKAT INTAC RESOURCES SDN BHD (IRSB)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan telah mengeluarkan arahan pemberhentian kutipan bayaran serta merta kepada syarikat IRSB melalui rujukan surat Prk.MI(P)41/55(63) bertarikh 22 September 2014.

3. Sehubungan itu, semua permohonan aktiviti pelesenan yang melibatkan vesel pukat tunda zon B dan zon C seluruh negara kecuali Sabah **boleh diteruskan** tanpa perlu mewajibkan pemilik vesel berkenaan menjelaskan bayaran penuh alat AIS terlebih dahulu. Walaubagaimanapun, bagi pemilik vesel yang telah membuat bayaran, pemasangan akan diteruskan mengikut jadual pemasangan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa manakala bagi pemilik vesel yang belum membuat pembayaran, arahan lanjut akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH'**

Saya yang menurut perintah,

(HJ MOHD SUFIAN BIN SULAIMAN)

b/p Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber
Ibu Pejabat Perikanan Malaysia, PUTRAJAYA

zahir/AIS/prosespermohonan

s.k Setiausaha Bahagian ITTP MOA

Y.H Dato` Ketua Pengarah Perikanan

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber

Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber

Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat

Pengarah Bahagian Perancang dan Pembangunan

Pengarah Bahagian Kejuruteraan Perikanan

Pengarah Bahagian Pengembangan Perikanan

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan